



## MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Kota Tinggi sebagaimana berikut :-

#### 1. (A) JAWATAN

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA
GRED	:	J9
KEKOSONGAN JAWATAN	:	Satu (1)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	Kejuruteraan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	Pengurusan Dan Profesional

#### 2. JADUAL GAJI

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM2,250.00 – RM11,110.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM225.00

#### 3. SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;  
**(Gaji Permulaan pada Gred J9 : RM2,690.00) atau**  
  
(ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Geografi, Ekonomi, Sains Sosial, Antropologi atau Perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lepasan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;  
**(Gaji Permulaan pada Gred J9 : RM2,690.00) atau**

(iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lepasan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;

**(Gaji Permulaan pada Gred J9 : RM2,910.00) atau**

(iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lepasan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji Permulaan pada Gred J9 : RM3,130.00)**

#### **4. TARAF PELANTIKAN**

- (i) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (Interim) selama tiga (3) tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuat kuasa ; dan
- (ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap.

#### **5. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **6. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; dan

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan (3) (1) ; dan
- (b) Had umur pelantikan :
  - (i) berumur kurang daripada dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### **7. DESKRIPSI TUGAS**

Merancang, menyedia, menyelia dan menyelaras kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan tatatur.

## **1. (B) JAWATAN**

<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>: PEMBANTU KHIDMAT AM</b>
GRED	: H1
KEKOSONGAN JAWATAN	: Lima ( 5 )
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Kemahiran
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana

## **2. JADUAL GAJI**

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	: RM1,500.00 – RM4,680.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM100.00

## **3. TARAF PELANTIKAN**

- (i) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (Interim) selama tiga (3) tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuatkuasa ; dan
- (ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap.

## **4 SYARAT LANTIKAN**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) warganegara Malaysia ;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
**(Gaji Permulaan pada Gred H1 : RM1,500.00) ; atau**
  - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan ;  
**(Gaji Permulaan pada Gred H1 : RM1,500.00) ; atau**
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;  
**(Gaji permulaan pada Gred H1 : RM1,561.00) ; atau**
  - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;  
**(Gaji permulaan pada Gred H1 : RM1,622.00) ; dan**
  - (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 2 (a)(i-v).

**(2) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugas menyelamat)**

- (a) (i) Memiliki Lesen memandu Kelas B2 / B / DA / D / E2 / E1 / E / F / G / H / I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas menyelamat ; atau
- (ii) Bagi tugas mengendali kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ; atau
- (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia ; atau
- (iv) Bagi tugas mengendali dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dangang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan ; atau
- (v) Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

**5. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**6. DESKRIPSI TUGAS**

- (i) Menjalankan tugas-tugas am hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan di luar bangunan pejabat berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
- (ii) Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan, pacuan empat roda, bas, lori dumper, roller dan traktor pertanian.
- (iii) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

## **1. (C) JAWATAN**

<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b> <b>Pembantu Penguat Kuasa (Letak Kereta)</b>
GRED	: KP1
KEKOSONGAN JAWATAN	: Tiga (3)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Keselamatan Dan Pertahanan Awam
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana

## **2. JADUAL GAJI**

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	: RM1,500.00 – RM4,680.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM100.00

## **3. TARAF PELANTIKAN**

Pelantikan secara kontrak.

## **4. SYARAT LANTIKAN**

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia ;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
**(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM1,500.00) ; atau**
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan ;  
**(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM1,500.00) ; atau**
- (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya ber pangkat Konstabel atau Prebet atau setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan  
**(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM1,500.00) ; atau**
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM1,561.00) ; atau**
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan pada Gred KP1 : RM1,622.00) ; dan**

- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :-
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
  - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

## **5. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **6. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan tempat letak kereta merangkumi urusan pas bulanan, petak bermusim, petak sementara, kompaun letak kereta, kertas siasatan bagi kesalahan tempat letak kereta dan penyelenggaraan petak rezab.

## **1. (D) JAWATAN**

<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>: PEMBANTU KESIHATAN AWAM</b>
--------------------------	----------------------------------

GRED	U1
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu ( 1 )
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Perubatan Dan Kesihatan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana

## **2. JADUAL GAJI**

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	: RM1,500.00 – RM4,680.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM100.00

## **3. TARAF PELANTIKAN**

- (i) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (Interim) selama tiga (3) tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuatkuasa ; dan
- (ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap.

## **4. SYARAT LANTIKAN**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) warganegara Malaysia ;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan ;  
  
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)  
(Gaji Permulaan pada Gred U1 : RM1,500.00) ; atau
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;  
(Gaji permulaan pada Gred U1 : RM1,561.00)

## **5. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **6. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan dalam program kebersihan dan keselamatan makanan serta keselamatan kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan bidang tugasnya.

## **E. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati di pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi pada waktu pejabat dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskhah atau boleh dimuat turun melalui laman web [www.mdkt.gov.my](http://www.mdkt.gov.my) dan bayaran borang permohonan hendaklah dibuat menggunakan wang tunai atau kiriman wang pos.
- (ii) Permohonan mestilah disertakan dengan:-
  - a) Sekeping gambar (ukuran passport) terkini (dilekatkan pada borang jawatan) ;
  - b) Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Lahir pemohon ;
  - c) Salinan Sijil-sijil Persekolahan dan kelulusan Akademik ;
  - d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah ;
  - e) Salinan Lesen Memandu (jika berkaitan) ;
  - f) Sijil kegiatan luar dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan ;
  - g) Salinan semakan dan pengesahan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif MQA atau MQR <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah); dan

Semua salinan dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas perlu disahkan dari salinan asal oleh Pegawai Kerajaan Gred J9

- (iii) Permohonan dari calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir seertiimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) yang perlu dibawa semasa temuduga.
- (iv) Hanya calon yang layak untuk temuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
- (v) Calon yang layak dipanggil temuduga hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

## **F. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK**

- (i) Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak ditandatangani.
- (ii) Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
- (iii) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan.
- (iv) Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
- (v) Permohonan tidak memenuhi / tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.
- (vi) Tidak menyertakan gambar passport berwarna.

## PERMOHONAN DAN TARikh TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

  
**HAJI MISWAN BIN YUNUS**  
Pegawai Daerah  
Kota Tinggi  
Merangkap Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kota Tinggi

(U.P. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

Bil. Fail Rujukan : MDKT/02/01/01-05, MDKT/02/01/01-13 Jld.08 dan  
MDKT/02/01/07 Jld.05

No. Talian Perhubungan : 07-8835700

Sebelum atau pada : **13 Jun 2025 ( Jumaat )**

Bertarikh : 30 Mei 2025

.. YANA/naa>iklanjawatan